

TARIKH : 10 FEBRUARI 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 47

Lebih Setengah juta maut akibat Omicron

Penularan COVID-19

Lebih Setengah juta maut akibat Omicron

Varian pantas menular rekod angka kematian amat dahsyat

Geneva: Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggap lebih setengah juta kes kematian akibat COVID-19 varian Omicron sejak ia dikesan, sebagai angka yang amat dahsyat.

Pengurus Kejadian WHO, Abdi Mahamud, berkata 130 juta kes dan 500,000 kematian direkodkan di seluruh dunia sejak Omicron diisytiharkan sebagai varian membimbangkan pada November lalu.

Sejak itu, varian berkenaan dengan pantas 'menggambil alih' kedudukan Delta sebagai vari-

an dominan COVID-19 kerana ia lebih pantas menular meskipun hanya mengakibatkan penyakit kurang teruk.

"Dalam era keberkesanan vaksin, setengah juta orang meninggal dunia, ia adalah sesuatu yang menyedihkan.

"Ketika setiap orang menyatakan Omicron lebih ringan, mereka terlepas pandang bahawa sekitar setengah juta orang mati sejak ia dikesan.

"Ia sesuatu yang amat dahsyat," kata Mahamud ketika berinteraksi menerusi saluran media sosial WHO.

Ketua Teknikal COVID-19 WHO, Maria Van Kerkhove, pula berkata bilangan kes Omicron yang tinggi adalah 'mengejutkan' manakala jumlah sebenar kes jangkitan dan kematian kemungkinan jauh lebih tinggi daripada diketahui.

"Omicron menjadikan kes muncak sebelum ini kelihatan

hampir rata.

"Kita masih di tengah-tengah pandemik dan berharap kita hampir mengakhirinya, namun banyak negara masih belum melepasi kemuncak Omicron lagi," katanya.

Menurut Van Kerkhove, beliau bimbang dengan angka kematian yang terus meningkat sejak beberapa minggu lalu.

"Virus Omicron ini terus menjadi berbahaya," katanya.

WHO mengesan empat subketurunan Omicron, walaupun substrain BA.1 adalah dominan, BA.2 lebih mudah menular dan diramalkan menyumbang kepada peningkatan kes Omicron.

Bagaimanapun, Van Kerkhove, berkata tidak ada petanda setakat ini yang mencadangkan kesan BA.2 mengakibatkan penyakit COVID-19 lebih teruk berbanding BA.1, tetapi menegaskan ia masih pada peringkat awal pengumpulan bukti.

Sejak COVID-19 muncul di China pada Disember 2019, ia membunuh hampir 5.75 juta orang, menurut data dikumpul AFP dari sumber rasmi setakat semalam.

Dalam pada itu, WHO menggesa negara kaya untuk membiayai dana 'perkongsian saksama' bagi memerangi COVID-19 dengan segera melunaskan bayaran dijanjikan berjumlah AS\$16 bilion (RM66.96 bilion) sebagai keperluan mendesak.

Katanya, rangsangan tunai segera terhadap Mempercepatkan Akses Kepada Alat Memasmi COVID (ACT-A) itu berupaya menamatkan COVID-19 sebagai kecemasan kesihatan global pada tahun ini.

Bagaimanapun, ACT-A memerlukan kira-kira AS\$23.4 bilion (RM97.93 bilion) bagi menampung program yang dilaksanakan antara Oktober lalu sehingga September depan, namun se-

“Kita masih di tengah-tengah pandemik dan berharap kita hampir mengakhirinya, namun banyak negara masih belum melepasi kemuncak Omicron lagi”

Maria Van Kerkhove, Ketua Teknikal COVID-19 WHO



hingga kini hanya berjaya mengumpul AS\$800 juta (RM3.35 bilion).

Pada belanjawan ACT-A 2020-21, hanya enam negara iaitu Kanada, Jerman, Kuwait, Norway, Arab Saudi dan Sweden memenuhi atau melebihi apa yang sepatutnya menjadi komitmen perkongsian saksama mereka. AFP